

Timbulkan semangat kebangsaan
di kalangan generasi muda

PM MINTA PENULIS₂ MAIN PERANAN

KUALA LUMPUR 16 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu para penulis tanah air memainkan peranan menimbulkan semangat kebangsaan di kalangan generasi muda kerana ketajaman mata pena boleh membawa pengertian besar. Menurut Perdana Menteri, para penulis hendaklah memainkan peranan tersebut agar semangat kebangsaan tidak akan luput dan hilang di masa depan. Menurutnya, walaupun semangat tersebut dapat dikeskalkan melalui syarahan, ceramah, ucapan dan kata-kata tetapi penulisan boleh mengabadikannya. Berucap di perasmian pameran nasionalisme dalam persuratan di Muzium Negara petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan:

“Sebagai penulis, saya percaya saudara-saudara tidak hanya menulis untuk mencari makan tetapi lebih dari itu untuk membawa kebaikan, menimbulkan semangat kebangsaan dan memupuk nilai-nilai baik”. Perdana Menteri berkata maju mundur sesuatu bangsa bergantung kepada nilai-nilai hidup seperti nilai kebersihan, cekap, berdisiplin, mengawal nafsu dan bermacam-macam sifat yang boleh dipupuk melalui penulisan yang bertanggjawab. Datuk Sri Dr. Mahathir menambah para penulis hendaklah menyingkirkan perasaan takut atau segan untuk melahirkan penulisan kebangsaan kerana ia tidak bertentangan dengan Islam seperti yang disangka oleh orang-orang tertentu.

Beliau membidas sikap kalangan yang menganggap semangat kebangsaan sebagai salah di sisi Islam dengan menyatakan ia berpunca dari salahtafsiran konsep Islam sepenuhnya. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, manusia dijadikan berpuak-puak dan berbangsa-bangsa agar mereka berkenalan sesama sendiri oleh itu setiap bangsa mempunyai kebudayaannya sendiri dan setiap bangsa akan mempertahankan kebudayaan dan negara mereka. “Hanya jika kita membela-kangkan agama maka semangat kebangsaan yang kita amalkan itu menjadi salah tetapi semangat kebangsaan kita tidak sedemi-

kian, kita memberi sokongan dan membantu saudara Islam di negara-negara lain,” katanya. Bagaimanapun beliau menambah, sesebuah negara Islam di dunia hanya mampu melahirkan rasa simpati sahaja kepada sebuah negara Islam lain dengan memberi contoh bahawa tiada umat Islam dari Malaysia yang pergi ke Afghanistan untuk berjuang bermatian-matian untuk memerdekakan negara itu. “Adalah jelas kita akan hanya sanggup mempertahankan negara dari ancaman musuh atas dasar semangat kebangsaan kerana walaupun kita tidak akan merasa akibatnya, kita rela berkorban agar bangsa kita

tidak mati begitu sahaja,” kata Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, negara kini diperintah oleh rakyatnya sendiri oleh itu amatlah penting bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lain yang telah ahpun menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia berpegang kepada nilai-nilai hidup yang tinggi.

“Di sinilah para penulis memainkan peranan yang besar dengan melahirkan tulisan-tulisan yang menonjolkan semangat kebangsaan dan nilai kehidupan yang tinggi yang akan membentuk berbagai sifat yang mulia yang diperlukan oleh satu bangsa untuk dihormati oleh dunia,” katanya.